Pilih jawapan yang paling **tepat.**

10.2 Negeri-negeri di Malaysia

Halaman Buku Teks: 20 – 39

1.
- Perangkap gajah
- Gelas berkaki

Maklumat di atas berkaitan dengan asal usul nama negeri

A Johor
B Kedah
C Perlis
D Kelantan

2. Apakah nama negeri yang berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud permata berharga?

A Perlis
B Melaka
C Johor
D Pulau Pinang

3. Asal usul nama negeri Terengganu berkaitan dengan

A sejenis ikan
B pokok pisang
C kapal layar
D taring harimau

4. Apakah nama ibu negeri Pahang?

A Kuantan
B Ipoh
C Kangar
D George Town

5. Apakah gelaran ketua negeri Sarawak?

A Raja
B Sultan
C Yang di-Pertuan Besar
D Yang di-Pertua Negeri

6. Selamat Sultan

Lagu tersebut merupakan lagu rasmi negeri

A Johor
B Selangor
C Sarawak
D Terengganu

7.

Sultan				
Johor	Kedah	Selangor	Terengganu	Pahang

Antara yang berikut, yang manakah menerangkan pelantikan sultan bagi negeri-negeri tersebut?

I Sistem pewarisan
II Sistem pemilihan
III Ditentukan oleh empat orang Undang
IV Berdasarkan jurai keturunan sebelah bapa

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8. Rajah menunjukkan sistem pewarisan takhta negeri Perak.

Berdasarkan sistem penggiliran Kesultanan Perak tersebut, siapakah X?

A Raja Muda
B Raja Kecil Tengah
C Raja Kecil Sulung
D Raja Kecil Besar

LIVEWORKSHEETS

9. Siapakah bertanggungjawab melantik Yang di-Pertua Negeri Sarawak?
   A Rakyat
   B Perdana Menteri
   C Ketua Menteri Sarawak
   D Yang di-Pertuan Agong

10. Negeri yang manakah ketuanya bergelar Yang di-Pertua Negeri?
   A Johor
   B Selangor
   C Melaka
   D Terengganu

11. Mengapakah sistem pelantikan ketua negeri yang berbeza wajar dipertahankan? KBAT Menilai
   A Mempertahankan warisan sejarah
   B Mempelbagaikan kaedah pelantikan
   C Memastikan proses pelantikan adil
   D Menjamin kepentingan ketua negeri

12.

Yang di-Pertua Negeri			
Pulau Pinang	Sabah	Sarawak	X

Rajah tersebut merupakan negeri-negeri yang ketua negerinya bergelar Yang di-Pertua Negeri.
Apakah negeri X?
   A Perlis
   B Melaka
   C Pahang
   D Negeri Sembilan

13. Mengapakah Gunung Jerai penting kepada perkembangan negeri Kedah?
   A Banyak hasil hutan
   B Menjadi panduan kepada pelayar
   C Pusat pelancongan utama
   D Menjadi hutan simpan

14. Apakah perkara yang ditonjolkan melalui persembahan boria?
   A Isu sosial
   B Isu politik
   C Sindiran
   D Cerita dongeng

15. Apakah keistimewaan Hutan Simpan Royal Belum?
   A Kaya dengan bijih timah
   B Tempat pelancong melawat
   C Terdapat gua tertua di dunia
   D Kewujudan spesies mamalia yang besar

16. Apakah warisan seni yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina Peranakan di negara kita?
   A Boria
   B Tarian Kuda Kepang
   C Dondang Sayang
   D Tarian Ulik Mayang

17. Negeri manakah yang mempunyai Masjid Kampung Laut yang berusia melebihi 300 tahun?
   A Kedah
   B Kelantan
   C Melaka
   D Terengganu

18. Mengapakah Gua Niah menjadi warisan kebanggaan kita? KBAT Menilai
   A Bukti kehidupan awal masyarakat prasejarah
   B Tarikan pelancong asing
   C Kaya dengan bahan galian penting
   D Memberi pelindungan kepada pemburu

19. Apakah peranan Istana Seri Menanti sekitar tahun 1900-an?
   A Kubu pertahanan
   B Tarikan pelancong
   C Pusat kebudayaan
   D Kediaman rasmi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan

20. Bagaimanakah anda dapat menunjukkan kesetiaan kepada ketua negeri?
   I Mengumpul kekayaan KBAT Mengaplikasi
   II Belajar bersungguh-sungguh
   III Mematuhi undang-undang
   IV Meraikan hari kebesaran ketua negeri
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

LIVEWORKSHEETS